KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			



TANGKAP layar menunjukkan seekor harimau belang yang didakwa dilihat di Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands dekat Ipoh.

Pak belang dipercayai sudah masuk semula ke hutan

IPOH – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak kini memantau penemuan seekor harimau belang yang didakwa dilihat di Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands dekat sini.

Pengarah Perhilitan negeri, Yusof Shariff berkata, satu rakaman video tular di media sosial yang memaparkan seekor harimau belang dikesan di kawasan hentian rawat dan rehat atau Kafe Banjaran di sini.

Menurut beliau, rakaman video itu diterima pihaknya kira-kira pukul 10 malam kelmarin.

"Susulan itu, kita telah menghantar Unit Harimau Perak ke tempat yang dikatakan itu.

"Bagaimanapun, harimau itu didapati sudah tiada, mungkin telah masuk semula ke hutan.

"Namun, pihak kami akan terus membuat pemantauan bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sejak kelmarin, tular rakaman video berdurasi 17 saat yang dirakam pengguna jalan raya menunjukkan seekor harimau belang di satu kawasan semak yang berbukit berdekatan Hutan Simpan Kekal Bukit Tapah.

Lokasi terbabit dikatakan terletak selepas Kafe Banjaran berhampiran kawasan rehat dan rawat.